

# Program cetus polemik, persepsi negatif masyarakat

**Kuala Lumpur:** Galakan supaya umat Islam menyentuh anjing tanpa alasan munasabah, hanya mencetuskan polemik di antara pelbagai penganut agama, selain menimbulkan persepsi negatif sesama masyarakat di negara ini.

Pakar sosial dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran, menyifatkan penganjuran program *I Want To Touch A Dog* yang kononnya ingin menghilangkan ketakutan umat Islam terhadap anjing, perlu menggunakan pendekatan berbeza.

Beliau berkata, program seumpama itu tidak sesuai dianjurkan di Malaysia kerana



“**Program itu tidak sesuai dianjurkan di Malaysia kerana boleh memecah-belahkan masyarakat majmuk, malah menyebabkan umat Islam berbalah sesama sendiri**”

**Mohammad Shatar Sabran,**  
Pakar sosial UPM

berkata berikutan program itu, pelbagai kata nista dan tohmahan kini dilemparkan terhadap Islam khususnya menerusi laman sosial.

## Ranapkan perpaduan nasional

Katanya, kesan itu secara tidak langsung akan meranapkan perpaduan nasional yang cuba diutuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, menerusi gagasan 1Malaysia.

“Haiwan peliharaan adalah isu sensitif kerana berkait dengan emosi pemiliknya. Cukup sekadar orang ramai tanpa mengira bangsa dan agama menghormati kepercayaan masing-masing,” katanya.

Mempersoalkan penekanan penganjur terhadap umat Islam dalam program itu, beliau berkata, ada kaum Cina dan India, yang takut untuk memegang anjing walaupun agama mereka tidak menghalang untuk menyentuh haiwan berkenaan.

boleh memecah-belahkan masyarakat majmuk, malah menyebabkan umat Islam berbalah sesama sendiri.

“Penganjur tak boleh guna konsep *One size fits all* (semberono) tanpa menitikberatkan elemen sosial dan agama dalam mana-mana program memabitkan masyarakat umum.

“Objektif penganjur mungkin betul tapi bercanggah dengan ajaran Islam yang melarang umatnya menyentuh, membelai, mendokong, mencium atau mengusap anjing demi keseronokan,” katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Mohammad Shatar yang juga Timbalan Naib Canselor UPM,